



Persatuan Mahasiswa Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (PMSSMP) sekali lagi terlibat dalam program Minggu Suai Mesra (MSM) peringkat sekolah pada 8 September 2011. Program ini bertujuan menyambut kedatangan mahasiswa/i baru sesi akademik 2011/2012 serta memperkenalkan Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP) kepada para pelajar baru.

Selepas jamuan, semua pelajar baru dibawa ke Bilik Seminar SSMP untuk mendengar taklimat program. Majlis bermula dengan nyanyian lagu Negaraku dan Bertekad Cemerlang. Diikuti oleh

ucapan alu-aluan oleh Prof. Madya Dr. Sharifudin Md. Shaarani selaku Dekan SSMP, serta memperkenalkan latar-belakang SSMP dahulu dan sekarang termasuk semua staff akademik, saintifik dan pentadbiran SSMP kepada para pelajar baru.

Setelah itu, para mahasiswa/i baru SSMP dibahagi mengikut program iaitu HS04 Sains Makanan dan Pemakanan, HY07 Teknologi Makanan dan Bioproses dan HG09 Perkhidmatan Makanan untuk taklimat oleh Ketua Program. Ketua Program menyampaikan maklumat asas tentang pemilihan dan pendaftaran kursus, pengiraan jam kredit dan pengiraan purata

nilai gred semester dan kumulatif (PNGS/PNGK). Ketua Program juga memberikan maklumat tentang bidang kerjaya yang boleh diceburi oleh para pelajar selepas menamatkan pengajian kelak.

Selesai taklimat oleh Ketua Program, para pelajar menyertai Kumpulan Mentor-Mentee. Setiap mentor (iaitu dari kalangan Pensyarah SSMP) mengadakan sesi suai-kenal di antara setiap pelajar (mentee) dengan mentor terlibat. Para pelajar digalakkan untuk kerap kali berjumpa mentor masing-masing untuk sesi bimbingan dan nasihat berdasarkan akademik.

